

RM733,262,510 wang zakat bantu 170,000 asnaf

Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) membelanjakan RM733,262,510 melalui wang zakat dikutip di Wilayah Persekutuan, yang memanfaatkan 170,000 golongan asnaf fakir dan miskin setakat Oktober lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar berkata, pada masa ini, Majlis Agama Islam negeri (Main) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ), menggunakan pakai kaedah had kifayah dalam penentuan jenis dan jumlah bantuan disalurkan kepada semua asnaf layak.

"Sehubungan itu, melalui pengenalpastian golongan sasar yang jelas serta kaedah had kifayah ini, agihan teratur dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Sebarang isu yang timbul berkaitan kutipan dan agihan, sentiasa diteliti dan dibincangkan semua Main/AMZ melalui dua mekanisme utama.

"Dua mekanisme itu iaitu menerusi platform Majlis Pengurusan Zakat Negeri-Negeri (MPZN) yang diurussetiakan sekretariat dilantik Main/AMZ dan Mesyuarat Penyelaras Program Zakat Bersama Main/AMZ yang diurussetiakan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (Jawhar)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Datuk Mohd Hisamudin Yahaya di Dewan Negara, semalam mengenai usaha dilakukan kerajaan dalam membantu meringankan beban golongan memerlukan khususnya asnaf fakir dan miskin dalam keadaan ekonomi tidak menentu dan kenaikan harga barang.

Mohd Na'im berkata, MAIWP menawarkan 38 skim bantuan dipecahkan kepada Kluster Kebajikan, Kluster Perubatan, Kluster Pendidikan, Kluster Pelindungan/Perumahan, Kluster Ekonomi serta Kluster Dakwah dan Pembangunan Ummah.

Menjawab soalan asal Mohd Hisamudin yang mahu tahu usaha kerajaan dalam memastikan tidak berlaku pertindihan agihan zakat kepada golongan sasar memerlukan, Mohd Naim berkata, Main atau



MOHD HISAMUDIN



MAIWP menawarkan 38 skim bantuan dipecahkan kepada Kluster Kebajikan, Kluster Perubatan, Kluster Pendidikan, Kluster Pelindungan/Perumahan, Kluster Ekonomi serta Kluster Dakwah dan Pembangunan Ummah”

Mohd Na'im

AMZ membuat semakan silang antara data asnaf dan data penerima bantuan.

Menurutnya, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) membangunkan Sistem Pangkalan Data Utama (Padu), yang membolehkan Main atau AMZ membuat semakan data secara masa sebenar atau hampir masa sebenar, bagi membantu mempercepatkan proses pengagihan bantuan zakat secara teratur.

"Jawhar bersama Main/AMZ menyambut baik usaha ini dan menyediakan set data g bersesuaian sebagaimana keperluan pihak DOSM," katanya.